

OPTIMA GT GENERASI KEEMPAT

Enjin
turbo petrol
Theta II 2.0
T-GDI beri
pecutan 0
sehingga
100km/j
cuma
7.4 saat

FOTO ASWADI ALIAS



SAMSON
(kanan) bersama
Kia Optima GT
berharga
RM179,888 seunit.

Hafiz Ithnin

hafizithnin@hmetro.com.my

Naza Kia Malaysia, pengedar rasmi tempatan jenama Kia memperkenalkan model terbarunya Kia Optima GT diperbaharui pada harga atas jalan RM179,888 seunit.

Model keempat diperkenalkan Naza Kia itu dikuasakan enjin pengecas turbo petrol Theta II 2.0 T-GDI yang mampu memberi kuasa pecutan antara pegun sehingga 100 kilometer sejam (km/j) dalam tempoh 7.4 saat.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulannya Datuk Samson Anand George berkata, Kia Optima GT adalah Optima generasi keempat (JF) menggantikan model terdahulu (TF).

"Harga ditawarkan di pasaran termasuk jaminan lima tahun tanpa had jarak perbatuan. Tambahan, pembeli boleh memilih daripada tiga pilihan warna ditawarkan antaranya Gravity Blue, Aurora Black dan Snow White Pearl.

"Kia Optima GT turut dilengkapi lampu utama projektor, lampu belakang dan lampu nyalaan siang LED, diffuser, sistem ekzos Dual Muffler dan rim aloi 18 inci yang dipasang bersama tayar Michelin Pilot Sport 3," katanya ketika majlis pelancaran, baru-baru ini.

Samson berkata, rekaan baru itu menawarkan reka bentuk lebih agresif, sporty dengan grill hadapan Dot Array Mesh Satin Chrome, bumper hadapan dan belakang baru.

Katanya, tempat duduk pemandu didatangkan dengan ciri pintar iaitu fungsi memori yang mampu mengingati posisi tempat duduk pemandu (LMS) dan boleh dilaraskan dengan pilihan 12 posisi berbeza. Sementara itu, tempat duduk pemandu hadapan boleh dilaras 10 posisi.

"Dari aspek keselamatan, Kia Optima GT dilengkapi 6 beg udara iaitu dua untuk penumpang hadapan, dua di bahagian sisi yang juga

menjadi beg udara tirai. Ia juga didatangkan dengan sistem keselamatan seperti sistem brek anti kunci (ABS), kawalan kestabilan elektronik (ESC), isyarat henti kecemasan (ESS).

Kia Optima GT

menerima pengiktirafan lima bintang EuroNCAP dalam ujian kemalangan, lima bintang dalam Asian NCAP dan merekodkan gred pertama dalam ujian kemalangan Korean NCAP, katanya.

Antara ciri tambahan lain ditawarkan Kia Optima GT versi diperbaharui itu ialah bumbung panorama elektronik, sistem pengecas telefon taraun wayar, fungsi lampu hadapan dan bilah pengelap cermin automatik.

